



Selamat Datang Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia



(https://50tahun.upm.edu.my)

BM ▾

AKADEMIK (/akademik-15) PENYELIDIKAN (/penyelidikan-3) JARINGAN (/jaringan-16) ANTARABANGSA (/antarabangsa-2) PERKHIDMATAN (/perkhidmatan-19) KEHIDUPAN KAMPUS (/kehidupan_kampus-18)
PUTRA BAKTI (/putrabakti)

» (/) » BERITA (/BERITA) » Kematian bapa tidak menjadi penghalang untuk teruskan pengajian

Senarai Berita (/berita)

Kematian bapa tidak menjadi penghalang untuk teruskan pengajian

Oleh: Muhammad Faris Nazrin Mohd Nizar
Pelajar Baccelor Kejuruteraan Perisian, FSKTM



SERDANG, 10 JAN – Kematian bapa yang sakit menjadi pembakar semangat graduan Azim Farhan Ngadimin, 23, untuk mencapai impian dan bergraduasi dalam Diploma Penerimaantani di Majlis Konvokesyen Ke-44 Universiti Putra Malaysia (UPM) Tahun 2022 di sini.

Beliau yang merupakan anak bongsu kepada empat beradik menceritakan bahawa arwah ayahnya telah menghembuskan nafas terakhirnya ketika beliau sedang menduduki peperiksaan akhir semester satu di Universiti Putra Malaysia di Kampus Bintulu (UPMKB).

Azim Farhan berkata, ketika sedang melangkah masuk ke dewan, beliau mendapat khabar berita daripada keluarga bahawa arwah ayahnya menghidap serangan jantung dan ditempatkan di Hospital Serdang.

“Walaupun ketika itu hati saya gundah gulana tetapi saya masih meneruskan peperiksaan tersebut kerana memikirkan kepentingannya,” katanya.

Selesai menjawab peperiksaan subjek pertama, beliau kemudiannya terus pulang dan berges ke Hospital Serdang untuk melawat arwah bapanya yang sedang koma.

Kisah hidup beliau mula disertai air mata apabila arwah ayahnya telah meninggal dunia selepas 17 hari telantar koma di katil hospital. Lebih menyayat hati, ibunya, seorang suri rumah mengalami serangan panik akibat pilu dengan pemergian suami tersayang.

Azim Farhan meneruskan baki dua subjek bagi peperiksaan akhir semester satu beliau di UPM Kampus Serdang.

Impak daripada beban dan cabaran yang dipikul oleh Azim, purata nilai gred beliau mula merosot dan beliau mula menyendiri dan pernah memutuskan untuk berhenti pengajarannya.

Namun, beliau terkenang akan niat dan hasrat arwah ayahnya untuk melihat beliau menjajackan kaki di menara gading. Berkat doa daripada keluarga dan sahabat, beliau mendapat Kembali semangat untuk kembali menimba ilmu dan meneruskan pengajian. Impian arwah ayah yang tercinta menjadi pemangkin bagi beliau untuk menamatkan Diploma Penerimaantani dengan cemerlang.

Kini, beliau berjaya bergelar graduan Diploma Penerimaantani sedang meneruskan pengajiannya bagi semester kedua dalam Baccelor Pendidikan Bahasa Melayu di UPM. Hasil daripada melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti sukarelawan dan kokurikulum, beliau berjaya mengalih perhatiannya daripada bersembunyi di dalam bayang dan menyendiri.

Beliau berkongsi nasihat bahawa pelajaran perlu diutamakan, jika ada kekosongan dan kelapangan, islah dengan aktiviti yang berfaedah seperti aktiviti kokurikulum dan sukarelawan. Jika ada satu titik dalam hidup kita jatuh, kenali diri dan bangkit semula.

“Hidup perlu diteruskan walaupun pelbagai anak dan duri yang kita perlu hadapi kerana di dunia ini adalah ujian untuk kita,” katanya. - UPM

Tarikh Input: 10/01/2022 | Kemaskini: 31/01/2022 | hairul_nizar

PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F

%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fkematian_bapa_tidak_menjadi_penghalang_untuk_teruskan_pengajian-64878&

title=Kematian%20Bapa%20Tidak%20Menjadi%20Penghalang%20Untuk%20Teruskan%20Pengajian

%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia

(/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress)

(/#print)

HUBUNGI KAMI

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Permohonan ke Luar Negara
(http://bursar1.upm.edu.my/sign/) /
Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN)
(http://www.sisman.upm.edu.my/)

PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia
(https://www.moe.gov.my/) /
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
(PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my/)

PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)
Statistik Transaksi Laman Web
(http://www.upm.edu.my/statistik)
Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/)

1. [Kementerian Pendidikan Malaysia](https://www.moe.gov.my/) (https://www.moe.gov.my/)

LIHAT JUGA



Future Biologist Caliphs dedah pelajar hubungkait ilmu Biologi dan ilmu Islam (/berita/future_biologist_caliphs_dedah_pelajar_hubungkait_ilmu_biologi_dan_ilmu_islam-65320)



Timbalan Menteri KBS rasmi Karnival Rekreasi Luar Kebangsaan Malaysia Outdoor Recreation Carnival (MOREC) 2021 (/berita/timbalan_menteri_kbs_rasmi_karnival_rekreasi_luar_kebangsaan_malaysia_outdoor_recreation_carnival_morec_2021-65197)



UPM-TNB-GSPARX Sdn. Bhd. jalin kerjasama bagi projek Rooftop Solar Photovoltaic (/berita/upm_tnb_gsparx_sdn_bhd_jalin_kerjasama_bagi_projek_rooftop_solar_photovoltaic-65196)



Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang

Selangor Darul Ehsan

+603-9769 1000

pspk@upm.edu.my (mailto:pspk@upm.edu.my)

+603-9769 1000

 pspk@upm.edu.my
TALIAN KECEMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
 03-9769 7990 | 03-9769 7470 |
 03-9769 1999

KM Portal (<http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home>)
 Jawatan Kosong (<http://sjsj.upm.edu.my/>)
 Sistem Baik Pulih ICT (<http://zonict.upm.edu.my/>)
 Putra Learning Hub (<http://learninghub.upm.edu.my/>)
 Sistem Pengurusan Perubatan (<http://regmedic.upm.edu.my/>)
 Sistem E-Claim (<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)
 i-GIMS (staf) (<http://www.sps.upm.edu.my/8080/gims/index.jsp>)
 i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (<http://sgsportal.upm.edu.my/8080/sgsportal/>)
 Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prosiswazah) (<http://smp.upm.edu.my/smpaction/security/loginSmpSetup>)

Multimedia Super Corridor (<https://mdec.my/mssc-malaysia/>)
 Portal myGovernment (<https://www.malaysia.gov.my/>)
 Agensi Kelayakan Malaysia (<https://www.mqa.gov.my/>)

/mengena_kami/maklumat_korporat/jiagam_pelanagan-8202
 Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengena_kami/dasar_universiti-5601)
 Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)
 Dana Wakaf Ilmu (<http://www.wazan.upm.edu.my/>)
 Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)
 Takwim UPM 2021 (https://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20210421082600TAKWIM_UPM_2021_20.1.2021.pdf)
 UPM Flywire (<https://landing-pages.flywire.com/landing/upm>)

 http://www.pantanka.upm.edu.my/	 http://www.learninghub.upm.edu.my/
 http://www.ppsasir.upm.edu.my/	 https://smp.upm.edu.my/
 http://sgsportal.upm.edu.my/8080/sgsportal/	 http://eclaims.upm.edu.my/login/
 http://reg.upm.edu.my/eISO/	 http://emel.upm.edu.my/

Dasar Privasi ([/footnote/dasar_privasi-29949](#)) Hakcipta ([/footnote/hakcipta-29950](#)) RSS ([/rss](#)) Penafian ([/footnote/penafian-29938](#)) Bantuan ([/footnote/bantuan-29937](#))
 UPM online ([/footnote/upm_online-38695](#)) Dasar Keselamatan ([/footnote/dasar_keselamatan-29939](#))

© 2022 Universiti Putra Malaysia

LANGGAN MELALUI EMAIL **HANTAR**

BM ▾

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

